

26/08/1997

Malaysia, Brunei belum terokai banyak bidang

KUALA LUMPUR, Isnin - Masih banyak bidang kerjasama baru antara Malaysia dengan Brunei belum diterokai sepenuhnya, terutama dalam projek pembangunan dan industri teknologi tinggi kedua-dua negara atau usaha sama di negara ketiga.

Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Ja'afar berkata, sebagai dua negara jiran yang sedang membangun dan inginkan kemakmuran serta kesejahteraan bagi rakyatnya, peluang untuk bekerjasama dan saling bantu membantu amatlah luas.

Seri Paduka Baginda berharap semua daya usaha yang dikemukakan oleh sektor swasta Malaysia khususnya yang dibincangkan menerusi projek Kawasan Pertumbuhan Timur Asean - Brunei, Indonesia, Malaysia dan Filipina (BIMP-EAGA) akan diberi pertimbangan sewajarnya oleh Kerajaan Brunei.

Tuanku Ja'afar menyatakan demikian di majlis santapan malam meraikan lawatan negara Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah di Istana Negara, di sini malam ini.

Turut berangkat ialah Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah dan isteri-isteri Sultan Brunei, Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Pengiran Isteri Hajah Mariam.

Hadir sama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Menurut Tuanku Ja'afar, Malaysia dan Brunei adalah dua anggota Asean yang berpengaruh yang dapat memainkan peranan penting ke arah mewujudkan keamanan dan kestabilan serantau.

"Usaha Malaysia dan Brunei akan memberi sumbangan besar kepada pembangunan dan kemajuan Asia Tenggara seluruhnya," kata Seri Paduka sambil berharap kedudukan Asean sebagai organisasi serantau diperkukuhkan sejajar dengan perkembangan semasa serta matlamat bersama yang hendak ditujui.

Tuanku Ja'afar percaya wawasan asal bagi mencapai matlamat Asean 10 di masa terdekat akan terkabul.

Sementara itu, Sultan Hassanal Bolkiah menyatakan kagum dengan kemajuan pesat yang dikecapi Malaysia dalam banyak bidang bukan sahaja dalam ekonomi dan pelaburan tetapi juga perhubungan dan teknologi maklumat.

Baginda yakin dengan kadar pertumbuhan yang membanggakan dalam tempoh satu dekad ini, Malaysia akan berjaya mewujudkan Koridor Raya Multimedia (MSC) bagi mencapai Wawasan 2020 menjadi negara maju.

"Pertumbuhan ekonomi lapan peratus setahun akan menjadikan Malaysia negara yang berkembang pesat di dunia," kata baginda pada majlis yang sama.

Baginda turut merakamkan penghargaannya dan rakyat Brunei atas sumbangan besar Dr Mahathir dalam usaha meningkatkan hubungan baik antara kedua-dua negara hingga mencapai tahap persefahaman dan persahabatan yang mendalam.

"Dalam meningkatkan persefahaman dan persahabatan itu telah membolehkan kedua-dua negara menangani secara terbuka apa jua perbezaan dalam suasana persahabatan dan persaudaraan," kata baginda.

Sultan Hassanal Bolkiah turut menyampaikan ucapan taniah baginda, kerajaan dan rakyat Brunei kepada kerajaan Malaysia dan rakyatnya atas kemajuan yang dikecapi negara ini.

"Menara Kuala Lumpur dan Menara Kembar Petronas menjadi lambang dan mercu kemajuan Malaysia," kata baginda.

Mengenai hubungan Brunei-Malaysia, baginda melahirkan penghargaan kepada

Malaysia kerana memberi peluang kepada Brunei mengambil bahagian dalam pelbagai sektor ekonominya dan mengadakan usaha sama dalam sektor swasta.
(END)